



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**26 April 2024
17 Syawal 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• RM336 juta tingkat pertanian, perikanan
Kosmo !	•
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TAR
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF	/	NEGATIF		NEUTRAL			31	26.4.2024

RM336j tingkat pertanian, perikanan

Kuala Terengganu: Kerajaan pusat menyalurkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM336 juta untuk meningkatkan sektor pertanian, perikanan dan pertanian di negeri ini.

Daripada jumlah itu, Kementerian Ekonomi meluluskan peruntukan sebanyak RM192 juta untuk projek pembangunan dan menaik taraf pelabuhan Chendering.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, Kementerian Kewangan juga memperuntukkan RM33 juta bagi melaksanakan projek Gedung Pengeluaran Makanan Te-

rengganu (GPMT).

Menurutnya, kerajaan pusat turut memperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk memperluaskan kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Jelang Padi Fasa Dua Ketara (IADA).

"Kementerian Ekonomi juga memperuntukkan sebanyak RM10.7 juta untuk program Pengukuhan Keterjaminan Makanan termasuk melaksanakan pembangunan tukun tiruan," katanya.

Dr Azman berkata demikian ketika berucap pada sesi penggulungan sempena Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (Dun) Terengganu ke-15, di sini,



DR AZMAN

semalam.

Dr Azman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Jabi berkata, kerajaan negeri turut menyalurkan peruntukan kepada jabatan dan agensi pusat.

Katanya, kerajaan negeri

meluluskan peruntukan sebanyak RM5 juta setahun sejak 2020 kepada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) negeri bagi pelaksanaan Skim Bantuan Modal Tani.

"Kita juga turut memperuntukkan sebanyak RM3.8 juta kepada Jabatan Perikanan bagi melaksanakan pelbagai projek dan bantuan sektor perikanan.

"Hubungan baik antara kerajaan negeri dan pusat menyebabkan ada antara pegawai tertinggi di Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengatakan Terengganu datang bukan untuk meminta, tapi datang untuk bekerjasama," katanya.